

TEMA 4

MASA DAN ARAH



Selamat petang!

Hasilnya, anda akan dapat belajar,

- ✓ **Cara menyebut masa dalam bahasa Melayu**
- ✓ **Membezakan waktu pagi, petang, dan malam.**
- ✓ **Cara menyatakan arah dalam bahasa Melayu**

MASA

Masa = waktu, ketika

Tahun

Contoh	2019	Tahun dua ribu Sembilan belas
Selang masa	2009 - 2019	Sepuluh tahun
		Satu dekad
	1919 - 2019	Seratus tahun
		Satu abad
	1020 - 2020	Seribu tahun
		Satu alaf

Bulan

1 Januari	2 Februari	3 Mac	4 April	5 Mei	6 Jun
7 Julai	8 Ogos	9 September	10 Oktober	11 November	12 Disember

Hari

Isnin	Selasa	Rabu	Khamis	Jumaat	Sabtu	Ahad
-------	--------	------	--------	--------	-------	------

7 Hari = 1 Minggu

Masa

1 JAM 60 minit	1 MINIT 60 Saat
-------------------	--------------------

Waktu




Pagi



Tengah Hari	
Petang	
Malam	

Kata sendi Nama dan Masa



Contoh penggunaan kata sendi nama dan masa


Kata Sendi Nama	Contoh
ke	<ol style="list-style-type: none">1. Kami bersama hingga <u>ke</u> hari ini.2. Panas hingga <u>ke</u> petang.3. Dari tahun <u>ke</u> tahun, kita masih di sini.
dari	<ol style="list-style-type: none">1. <u>Dari</u> pagi saya di sini.2. Saya belum makan <u>dari</u> semalam.3. Saya tinggal di Kuala Lumpur <u>dari</u> bulan Januari.4. Kita semakin tua <u>dari</u> hari ke hari,5. <u>Dari</u> pukul 5.30 petang saya sudah sampai.
pada	<ol style="list-style-type: none">1. Saya pergi ke sekolah <u>pada</u> pukul 7.00 pagi.2. Emak pulang <u>pada</u> tahun lepas.3. Cuaca panas <u>pada</u> waktu tengahari.4. <u>Pada</u> 30 minit yang lepas, saya di sini.

KATA ARAH


1. Kata Arah digunakan untuk menunjuk arah.
2. Kata arah hadir sebelum kata nama dan selepas kata sendi nama.

Penunjuk Arah





Kata sendi Nama dan Arah



Contoh penggunaan kata sendi nama dan arah

Kata Sendi Nama	Contoh
di	<ol style="list-style-type: none">1. Buku saya ada <u>di sini</u>.2. Rumah saya <u>di sana</u>.3. Sekolah saya terletak <u>di sebelah kiri</u> rumah saya.
ke	<ol style="list-style-type: none">1. Saya berjalan <u>ke arah Timur</u>.2. Saya hendak pergi <u>ke sana</u>.3. Mereka hendak <u>ke depan</u>.
dari	<ol style="list-style-type: none">1. Saya datang <u>dari sana</u>.2. <u>Dari sini</u> ke sana.3. Mereka datang <u>dari belakang</u>.

MARI BERTUTUR

Sila baca, dengar (Audio) dan tonton (Video) dengan teliti berkenaan situasi pertuturan di bawah. Seterusnya, sila berlatih bertutur semula.

Audio dan video boleh didapati dalam laman web KPBM.

**Rakaman video menggunakan sebutan tidak baku. Jadi, akan ada sedikit perbezaan dengan skrip menggunakan Bahasa baku Bahasa Melayu di bawah.*

Situasi 4.1 Masa

Latar tempat: Sebuah perhentian bas

Azman : Maafkan saya encik, boleh saya tahu pukul berapa sekarang?

Mohamad : Boleh. Sekarang pukul 7.45 pagi. Kenapa?

Azman : Saya sebenarnya sudah terlewat untuk pergi ke kelas.

Mohamad : Pukul berapa kelas awak bermula?

Azman : Kelas saya pukul 8.00 pagi. Sebenarnya saya terlewat bangun sebab semalam saya bermain futsal.

Mohamad : Oh, awak bermain futsal juga?

Azman : Ya, saya bermain futsal dua kali seminggu.

Mohamad : Baguslah. Baik untuk kesihatan.

Azman : Eh, bas sudah sampai. Jom kita pergi.

Situasi 4.2 Masa Menonton wayang

Latar tempat: Kaunter perkhidmatan pelanggan di sebuah panggung wayang

Jurukaunter : Selamat petang, encik.

Pelanggan : Selamat petang.

Jurukaunter : Encik hendak menonton cerita apa?

Pelanggan : Saya hendak menonton cerita ‘Dendam Perjanjian Dua Alam’.

Jurukaunter : Baik, tayangan untuk cerita ‘Dendam – Perjanjian Dua Alam’ ada pada pukul 10.00 pagi, 4.00 petang, dan 9.00 malam.

Encik hendak membeli tiket pada pukul berapa?

Pelanggan : Kalau macam itu, saya hendak menonton cerita pada pukul 4 untuk dua orang. Berapa harganya?

Jurukaunter : Baik, satu tiket harganya RM12. Kalau untuk dua orang, harganya RM24.

Pelanggan : Oo, RM24 ya, ini wangnya.

Jurukaunter : Ini tiket encik untuk dua orang. Terima kasih.

Pelanggan : Sama-sama.

Jurukaunter : Selamat menonton.

Situasi 4.3 Penunjuk Arah Jalan

Latar tempat: Tepi jalan raya

Ahmad : Abang, boleh tumpang tanya? Di mana klinik kesihatan yang paling dekat ya?

Azman : Oo, boleh. Tidak ada masalah. Klinik kesihatan yang paling dekat di sini kira-kira 500 meter.

Awak jalan terus ikut jalan ini, kira-kira 200 meter awak belok ke kiri daripada simpang depan sana, lepas itu awak jalan terus lagi, dan awak

akan nampak klinik kesihatan di sebelah kanan.

Di situlah klinik itu.

Ahmad : Terima kasih, abang.

Azman : Sama-sama. Hati-hati.


Ahmad : Saya gerak dulu.

Azman : Baik.

LATIHAN

Latihan 1





Lengkapkan silang kata di bawah dengan jawapan yang tepat.



1. Cuaca pada waktu ini sangat panas.
2. Kereta awak di _____.
3. Jam pukul 5.00 _____.
4. Bapa saya pergi kerja pukul 7.00 _____ tadi.
5. Jarum _____ menunjukkan pukul 2.00 petang.
6. Awak datang _____.

Latihan 2

Padankan gambar dengan jawapan mengikut waktu yang sesuai.

	Pagi
	Malam
	Petang
	Tengah hari

Latihan 3

Tulis semula masa berikut menggunakan huruf dan perkataan yang sesuai.

12.45	Dua belas empat puluh lima minit tengah hari
8.30	
7.00	
5.15	

Latihan 4

Ahmad ingin pergi ke hospital. Nyatakan arah yang sesuai untuk Ahmad pergi ke hospital berdasarkan gambar.

